

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Gempa sederhana berlaku di Kepulauan Tanimbar, Indonesia	Bernamea.com
2	Gempa bumi sederhana berlaku di kawasan Pulau Filipina	Bernamea.com
3	Jawatankuasa harmonikan undang-undang siber ditubuh	Utusan Malaysia
4	Jawatankuasa ditubuh bagi harmonikan undang-undang berkaitan siber - Jailani	Bernamea.com
5	Peniaga jual peranti tidak sah didenda RM15,000	Kosmo
6	Peniaga jual peranti ceroboh talian internet didenda RM15,000	Bernamea.com
7	Tumpu latihan teknikal, vokasional	Berita Harian
8	Terengganu akan pilih tiga pelajar tahfiz untuk dijadikan perintis saintis islam negeri	Bernamea.com

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)



## Gempa Sederhana Berlaku Di Kepulauan Tanimbar, Indonesia

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Gempa bumi berukuran 5.3 pada skala Richter berlaku di kepulauan Tanimbar, Indonesia pada pukul 12.23 tengah malam Ahad

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gegaran ialah 464 kilometer dari tenggara Ambon dan 1,869 kilometer tenggara Semporna.

Ia tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)



## Gempa Bumi Sederhana Berlaku Di Kawasan Pulau Filipina

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada sakala Richter berlaku di kawasan pulau-pulau di Filipina pada 8.43 pagi Isnin.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gegaran di 178km barat laut Laoag City, Filipina dan 1,465km timur laut Kudat, Sabah.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (SIDANG DEWAN NEGERI) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)**

## Jawatankuasa harmonikan undang-undang siber ditubuh

KUALA LUMPUR 28 April - Persidangan Dewan Negara hari ini dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa kerja ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara untuk meneliti pendekatan sesuai menangani isu berkaitan siber.

Jawatankuasa itu dianggotai Suruhanjaya Komunikasi dan Mul-

timedia Malaysia (SKMM), Cybersecurity Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa berkaitan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari berkata, mereka berperanan menilai dan menyusun semula beberapa akta termasuk Akta Komu-

nikasi dan Multimedia 1998 bagi mengelakkan berlakunya pertindihan bidang kuasa serta memastikan keberkesanan tindakan.

"Dalam bahasa mudah, jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengharmonikan undang-undang berkaitan siber," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

menjawab soalan lisan Senator Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang meminta kementerian itu menyatakan jumlah kes fitnah siber dalam laman media baharu yang telah diambil tindakan.

Menurut Jailani, penyusunan semula beberapa akta di bawah satu bumbung dilihat lebih berkesan dalam mengatasi 'lompong' dalam

penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan siber.

"Mungkin ada kementerian atau agensi berkaitan mempertikaikan penubuhan jawatankuasa itu namun penyusunan semula beberapa akta dan meletakkannya di bawah satu bumbung adalah lebih baik dalam soal ini," katanya.





## Jawatankuasa Ditubuh Bagi Harmonikan Undang-undang Berkaitan Siber - Jailani

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara bagi meneliti pendekatan sesuai, khusus bagi menangani isu berkaitan siber, persidangan Dewan Negara diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari berkata disertai agensi penguatkuasaan berkaitan, jawatankuasa itu akan berperanan menilai dan menyusun semula beberapa akta bagi mengelak berlakunya pertindihan bidang kuasa yang menyukarkan sesuatu tindakan diambil terhadap penyalahgunaan Internet.

"Jawatankuasa ini akan menyemak semula semua akta sedia ada termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memastikan keberkesanan undang-undang tersebut dalam menangani isu-isu dalam talian.

"... dalam bahasa mudah, jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengharmonikan undang-undang berkaitan siber," katanya ketika menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ali ingin tahu jumlah kes fitnah siber, tindakan dan perancangan Kementerian dalam menangani penularan kes sedemikian.

Selain Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), jawatankuasa itu turut disertai [Cybersecurity Malaysia](#), Polis Diraja Malaysia dan agensi lain berkaitan.

Jailani berkata walaupun mungkin ada Kementerian atau agensi berkaitan mempertikai penubuhan jawatankuasa itu, namun beliau berpendapat penyusunan semula beberapa akta dan meletakkannya di bawah satu 'bumbung' adalah lebih baik, khasnya dalam mengatasi 'kelompongan' dalam penguatkuasaan undang-undang berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan memandang serius ancaman yang dilakukan pihak tertentu melalui medium Facebook, Twitter dan Youtube dan sehingga kini sebanyak 2,026 laman web telah disekat kerana didapati menyalahi pelbagai undang-undang berkaitan siber.

Jailani berkata sebanyak 2,850 aduan membabitkan penyalahgunaan Internet direkodkan sejak awal tahun lalu sehingga Mac lepas. Sebanyak 792 daripadanya adalah kes melibatkan penyalahgunaan media sosial.

"Walaupun jumlah ini kurang satu peratus daripada keseluruhan 19.2 juta pengguna Internet di negara ini, kerajaan tetap memandang serius dan mengambil berat ancaman yang dibawa media sosial," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 17  
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)**

## Peniaga jual peranti tidak sah didenda RM15,000

**KUALA LUMPUR** - Seorang peniaga lelaki didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam



**LUN TAK**

selepas semalam mengaku membekal dan menjual 47 unit peranti yang tidak diperakui SIRIM bagi mencero-boh sistem jalur lebar milik pengguna lain.

Hakim Azwarnida Affandi menjatuhkan hukuman itu selepas Tung Lun Tak, 44,

mengaku melakukan kesalahan itu di rumahnya di Bandar Damai Perdana, Cheras pada 12.30 tengah hari 22 Oktober tahun lepas mengikut Seksyen 239(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Lun Tak, yang mengaku membekalkan lima unit High Power Signal King, tujuh unit Sinmax dan 35 unit WiFi Sky, dihukum mengikut Seksyen 239(1) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda RM100,000 atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, kegiatan Lun Tak dikesan selepas seorang pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) selepas membeli seunit WiFi Cracker melalui khidmat pesanan ringkas dan membuat pembayaran dalam satu transaksi perbankan internet.

WiFi Cracker diuji SIRIM didapati tidak pernah diluluskan serta dilarang penggunaannya di negara ini.

Pendakwa dikendalikan Pegawai Pendakwa dari SKMM Zairulnahr Zakaria manakala Lun Tak tidak diwakili peguam.

Lun Tak membayar denda tersebut selepas diputuskan oleh mahkamah.





## Peniaga Jual Peranti Ceroboh Talian Internet Didenda RM15,000

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Seorang peniaga didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku membekal dan menjual 47 unit peranti yang tidak diperakui Sirim bagi menceroboh sistem jalur lebar milik pengguna lain.

Hakim Azwarnida Affandi menjatuhkan hukuman itu selepas Tung Lun Tak, 44, mengaku melakukan kesalahan itu di rumahnya di Bandar Damai Perdana, Cheras pada 12.30 tengah hari 22 Okt tahun lepas mengikut Seksyen 239(1)(c) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tung, yang mengaku membekalkan lima unit High Power Signal King, tujuh unit Sinmax dan 35 unit WiFi Sky, dihukum mengikut Seksyen 239(1) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda RM100,000 atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes yang dibentang Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Zairulnahr Zakaria, kegiatan Tung dikesan selepas seorang pegawai SKMM membeli seunit 'WiFi Cracker' melalui khidmat pesanan ringkas dan membuat pembayaran dalam satu transaksi perbankan Internet.

Seminggu kemudian, pegawai itu menerima WiFi Cracker' daripada Tung Network Trading sebelum menghantar alat berkenaan untuk ujian [Sirim](#), yang mendapati ia tidak pernah diluluskan serta dilarang penggunaannya di negara ini.

Terdahulu, Tung dan pendakwa mengemukakan rayuan serta hujahan secara bertulis sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman.

-- BERNAMA



# Tumpu latihan

teknikal, vokasional

Oleh Syafiq Aznan  
bhshahalam@bh.com.my

► Shah Alam

**K**ementerian Pendidikan komited untuk memperkasa bidang vokasional dan teknikal di negara ini melalui pelan pendidikan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Ketua Setiausaha II kementerian itu, Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata modul berdasarkan pendidikan di negara maju itu bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.

Beliau berkata, pelan pendidikan TVET akan menghasilkan graduan yang sedia bekerja dalam pelbagai bidang kemahiran dan teknikal.

"Di negara maju, kebanyakan lulusan sekolah memilih untuk memasuki politeknik kerana mereka meminati kemahiran dan menjalani kelas yang lebih praktikal.

» Pelan pendidikan TVET lahir graduan boleh terus bekerja sebaik tamat pengajian

## Graduan sedia bekerja

"Jadi, modul luar negara diambil untuk diterapkan dalam pendidikan kita supaya graduan dapat dipersiapkan dengan kemahiran yang diperlukan dan boleh terus bekerja seurus tamat pengajian di peringkat diploma," katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Politeknik Shah Alam dan SIRIM Standards Technology.

Turut hadir ialah Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar dan Naib Presiden Perkhidmatan Teknikal SIRIM Berhad, Azim Ng Abdullah.

Zaini berkata, pelan pendidikan TVET juga dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap penggunaan tenaga kerja luar, sekaligus memaksimumkan penggunaan tenaga kerja tempatan dalam jangka

panjang.

"Pelan pendidikan TVET akan melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran tinggi dan boleh mengendalikan operasi sesuatu industri yang selama ini dilakukan oleh tenaga kerja luar," katanya.

## Bukan pilihan kedua

Beliau berkata, TVET juga dilihat bakal mengubah status politeknik supaya setaraf dengan universiti terkemuka di negara ini.


"Tanggapan masyarakat yang selama ini menganggap politeknik sebagai pilihan kedua harus dikikis. Melalui pelan pendidikan TVET, secara tidak langsung imej politeknik berjaya dinaik taraf.

"Ini kerana politeknik turut menawarkan program kemahiran yang sama dengan program universiti.

"Malah, pelajar politeknik mempunyai pengalaman praktikal berbanding dengan pelajar yang mengikuti pendidikan di universiti," katanya.



Dari kiri, Mohlis, Zaini, Zainal Abidin dan Azim melihat dokumen selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian di antara Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dengan SIRIM Standards Technology Sdn Bhd di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Zaini (dua dari kanan) Makmal Penentuan Bioperubatan selepas majlis menandatangani memorandum.





## Terengganu Akan Pilih Tiga Pelajar Tahfiz Untuk Dijadikan Perintis Saintis Islam Negeri

KUALA TERENGGANU, 28 April (Bernama) -- Kerajaan Terengganu akan memilih tiga orang pelajar tahfiz terbaik dari sekolah Imtiaz di negeri itu untuk ditawarkan mengikuti pengajian sains di universiti terkemuka di luar negara, mulai tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi, Tenaga, Teknologi Hijau dan Air negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata tiga pelajar terbabit akan menerima tajaan dari Yayasan Terengganu dan mereka dipilih sebagai kumpulan perintis Saintis Islam pertama negeri itu.

"Mereka ini akan berkhidmat dengan Pusat Sains Dan Kreativiti Terengganu (PSKT) sebaik sahaja menamatkan pengajian dan akan melakukan pelbagai kajian sains berkaitan untuk manfaat umat Islam.

Buat permulaan, kita hanya memilih tiga pelajar yang memperolehi A dalam semua mata pelajaran diambil dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kriteria paling penting ialah mereka mesti menghafaz al-Quran," katanya kepada pemberita di sini Isnin.

Sehingga kini Terengganu mempunyai lima buah sekolah Imtiaz di Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut dan Hulu Terengganu.

Ahmad Razif berkata pelaksanaan program Saintis Islam adalah impian kerajaan negeri agar bidang kajian sains dapat dipelopori oleh rakyat negeri itu dengan lebih mudah dan meluas dengan pelbagai hasil kajian yang selari dengan al-Quran.

"Malah pembinaan PSKT itu juga bertujuan menarik minat generasi muda di Terengganu untuk mendekati sains sebagai bidang yang menyeronokkan untuk mereka terokai lebih banyak manfaat darinya," katanya.

Projek PSKT yang tertangguh, selepas mula dibina pada 2006 dengan peruntukan kira-kira RM76 juta, dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

Kompleks yang terletak di tapak seluas kira-kira 50 hektar itu akan turut menempatkan [Pusat Sains Negara \(PSN\) cawangan Pantai Timur](#) dan apabila siap kelak, PSKT akan mempunyai kelengkapan yang sama dengan apa yang ada di PSN dengan tambahan peruntukan kira-kira RM40 juta.

-- BERNAMA